


8.

**Pembahagian Projek Penswastaan Mengikut Sektor  
1983 - 2003 (% dari Jumlah)**



Sumber : <http://www.epu.gov.my/ms/dasar-utama/dasar-penswastaan>

Jadual di atas menunjukkan sektor di mana dasar penswastaan telah berlaku sehingga tahun 2003.

a. Apakah matlamat penubuhan Dasar Penswastaan?

---

---

[ 2 markah ]

b. Jelaskan tujuan penubuhan Dasar Persyarikatan Malaysia.

---

---

---

---

[ 4 markah ]

- c. Pada pendapat anda adakah Dasar Penswastaan telah mencapai matlamat pelaksanaannya ? Beri komen anda

---

---

---

---

[4 markah]

### Bahagian Esei

8

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Gagasan pembentukan Rukun Negara merupakan kesan daripada Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku itu telah mengancam ketenteraman,keamanan dan keselamatan negara.

- a. Apakah yang anda faham tentang Majlis Gerakan Negara? [4 markah]
- b. Pada pendapat anda,mengapakah Rukun Negara perlu diperkenalkan? [8 markah]
- c. Huraikan kepentingan prinsip-prinsip Rukun Negara. [8 markah]

### SKEMA BAB 8 Tingkatan 5

Soalan 1	Perincian / Butiran	Markah
a	<p>Apakah matlamat penubuhan Dasar Penswastaan?</p> <p>F1 Mengurangkan beban kewangan kerajaan  F2 Meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan  F3 Mempercepatkan pembangunan ekonomi negara  F4 Kerajaan memindahkan perkhidmatan, perusahaan, pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta.</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1</p> <p>[ 2 markah ]</p>
b	<p>Jelaskan tujuan penubuhan Dasar Persyarikatan Malaysia.</p> <p>F1 Merangsang penglibatan sektor swasta secara aktif dan berkesan dalam pembangunan negara.  F2 Malaysia dianggap sebuah syarikat  F3 Dimiliki secara bersama oleh kerajaan dan swasta.  F4 Semua kakitangan kerajaan dan swasta adalah pemilik saham  F5 Pekerja dipertanggungjawabkan memajukan syarikat ini.  F6 Sebuah panel perundingan antara pihak kerajaan dengan sektor swasta telah ditubuhkan.  F7 Pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta  F8 Bertujuan menjalinkan hubungan dan berkongsi kepakaran.  F9 Pihak kerajaan bertindak memberi perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi.sektor swasta.</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 4 markah ]</p>
c	<p>Pada pendapat anda adakah Dasar Penswastaan telah mencapai matlamat perlaksanaannya ?  Beri komen anda.</p> <p>F1 Ya  F2 Melibatkan sektor swasta dalam aktiviti membangunkan negara.  F3 Meningkatkan produktiviti pengeluaran  F4 Meningkatkan kualitiperkhidmatan  F5 Meningkatkan kecekapan  F6 Mempercepatkan pembangunan ekonomi negara  F7 Mudah mendapat perkhidmatan  F8 Selesa dan cepat  F9 Menggunakan teknologi yang terkini/moden  F10 Tidak membebankan rakyat  F11 Kos perkhidmatan meningkat  F12 Menyebabkan rakyat terpaksa berhutang  F13 Barangan menjadi mahal  F14 Mewujudkan jurang perbezaan antara rakyat  F15 Hanya golongan berkemampuan memperoleh perkhidmatan</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 4 markah ]</p>



F10	Keluhuran Perlembagaan	1
F11	Perlembagaan merupakan undang-undang utama bagi sesebuah negara dan dianggap luhur,unggul dan suci	1
F12	Keluhuran Perlembagaan menuntut semua rakyat menerima,mematuhi,menyanjung dan mempertahankanya.	1
F13	Kedaulatan undang-undang	1
F14	Prinsip ini menuntut rakyat Malaysia menghormati undang-undang.	1
F15	Sekiranya kedaulatan undang-undang terpelihara,semua rakyat akan dapat hidup aman damai.	1
F16	Kita bertanggungjawab memastikan undang-undang negara sentiasa didaulatkan dan tidak dicabar oleh mana-mana pihak.	1
F17	Kesopanan dan kesusilaan	1
F18	Prinsip ini menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila.	1
F19	Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu.	1
F20	Prinsip ini menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati.	1
	Mana-mana 8X1	[ 8 markah ]